

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 7 APRIL 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kriteria utama yang membolehkan Darurat Bencana diisytiharkan agar usaha menyelamatkan nyawa rakyat dibuat dengan segera dan melibatkan seluruh jentera Kerajaan.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini, Kerajaan tidak mengisytiharkan darurat baru-baru ini disebabkan tanggungjawab mengurus bencana ini perlu dipikul bersama di antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri.

Banjir luar biasa yang melanda beberapa negeri baru-baru ini telah menguji rakyat kerana kemusnahan yang besar di Kelantan, Pahang, Terengganu dan Perak. Banjir ekstrem 2014-2015 berlaku di luar jangkaan semua pihak termasuk jentera pengurusan bencana di peringkat daerah dan negeri yang diketuai oleh Pegawai Daerah dan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Tidak dinafikan bahawa terdapat insiden yang mana penghantaran bantuan lewat tiba di beberapa tempat akibat terputus hubungan. Faktor cuaca dan bentuk muka bumi yang mencabar turut menjejaskan penghantaran bantuan melalui udara.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, segala aset bantuan terutama sekali daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) termasuk Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) telah digunakan secara ekstensif bagi melancarkan operasi menyelamatkan serta penghantaran bantuan ketika bencana.

Sekian. Terima kasih.